

## ISU DAN CABARAN PODCAST DI MALAYSIA : SATU PANDANGAN DARIPADA SUDUT QURAN DAN HADIS

Nurhafizah izatti Binti Hasnol Hady  
[hafizahizatti2002@gmail.com](mailto:hafizahizatti2002@gmail.com)

Shah Rizul Izyan Zulkiply  
[izyanzulkiply@usim.edu.my](mailto:izyanzulkiply@usim.edu.my)

Nuraini izzati Binti Shahril  
[izzatishahril@gmail.com](mailto:izzatishahril@gmail.com)

Siti Arifah Nabilah Binti Mohd Arif  
[sitiarifahnabilah@gmail.com](mailto:sitiarifahnabilah@gmail.com)

### Abstrak

Kajian ini meneliti isu dan cabaran yang dihadapi oleh podcast di Malaysia dengan mendalami perspektif Quran dan Hadis. Platform podcast semakin popular sebagai medium komunikasi, namun, ada keperluan untuk memahami impaknya dari sudut pandang Islam. Bagaimana podcast di Malaysia berhadapan dengan isu-isu seperti keabsahan konten, etika penyiaran, dan impak sosial dan moral, dan bagaimana perspektif Quran dan Hadis dapat membantu memahami dan mengatasi cabaran ini? Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis konten untuk meneliti beberapa podcast di Malaysia dan membandingkannya dengan prinsip-prinsip Islam yang terdapat dalam Quran dan Hadis. Data dianalisis untuk mengenal pasti kesesuaian dengan nilai-nilai Islam dan cabaran yang timbul. Hasil kajian menunjukkan bahawa podcast di Malaysia menghadapi cabaran dalam mematuhi prinsip-prinsip Islam seperti kebenaran, keadilan, dan moraliti. Terdapat pelbagai isu termasuk konten yang tidak sesuai, etika penyiaran yang dipertikaikan, dan impak sosial yang tidak dijangka. Kajian ini menyimpulkan bahawa perspektif Quran dan Hadis dapat menjadi panduan yang penting dalam menghadapi cabaran podcast di Malaysia. Penekanan pada nilai-nilai Islam dapat membantu meningkatkan kualiti dan relevansi podcast dalam konteks masyarakat Islam. Ini menggariskan keperluan untuk pembaharuan dalam panduan dan praktik podcast yang lebih selaras dengan prinsip-prinsip agama.

**Kata Kunci:** Podcast, isu dan cabaran, Quran Dan Sunnah.

### 1. Pengenalan

Dalam era informasi yang berkembang, podcast telah muncul sebagai media inovatif yang digunakan sebagai medium komunikasi di Malaysia dan menjadi salah satu platform yang sangat popular di dalam kalangan masyarakat. Ini menggambarkan peningkatan penggunaan teknologi digital dalam menyebarkan maklumat dan hiburan. Podcast menawarkan kebebasan kepada penyiar dan pendengar untuk berinteraksi dengan pelbagai topik, dari hiburan hingga pendidikan, dengan cara yang lebih fleksibel dan mendalam berbanding media tradisional. Oleh itu, para pembuat konten kini semakin bebas dalam mengekspresikan perbualan mereka dan menyebarkannya kepada umum. Walau bagaimanapun, kebebasan ini juga seiring dengan tanggungjawab yang besar terutamanya melalui perspektif Islam.

Dalam konteks perspektif Islam, setiap platform komunikasi perlu mematuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Quran dan Hadis. Prinsip-prinsip ini meliputi keabsahan konten, etika penyiaran, serta impak sosial dan moral yang ditimbulkan. Kebenaran, keadilan, dan moraliti merupakan dasar nilai-nilai yang penting dipengang dalam setiap bentuk komunikasi. Kebenaran, keadilan, dan moraliti adalah nilai-nilai asas yang penting untuk dipegang dalam setiap bentuk komunikasi. Namun, adakah podcast di Malaysia telah mematuhi prinsip-prinsip ini? Bagaimana

perspektif Quran dan Hadis dapat digunakan untuk memahami dan mengatasi cabaran yang dihadapi oleh industri podcast? Kajian ini bertujuan untuk meneliti isu dan cabaran yang dihadapi oleh podcast di Malaysia melalui pendekatan analisis konten. Dengan mengkaji beberapa podcast tempatan, kajian ini akan membandingkan konten yang disiarkan dengan prinsip-prinsip Islam yang terkandung dalam Quran dan Hadis.

Dengan menekankan nilai-nilai Islam, industri podcast di Malaysia bukan sahaja dapat memenuhi standard etika dan moral yang tinggi, tetapi juga berpotensi menjadi medium yang efektif untuk pendidikan dan pembangunan sosial. Oleh itu, kajian ini tidak hanya relevan untuk penyiar podcast, tetapi juga penting bagi pendengar, penggubal dasar, dan masyarakat umum yang menginginkan media yang bertanggungjawab dan beretika.

## 2. Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis konten untuk meneliti beberapa podcast di Malaysia, dengan mengumpulkan dan menganalisis data daripada podcast-podcast tersebut bagi mengenal pasti kesesuaian konten dengan nilai-nilai Islam serta cabaran yang dihadapi. Data diperoleh daripada podcast yang dipilih berdasarkan popularitinya sebagai medium komunikasi. Analisis konten dilakukan dengan membandingkan konten podcast dengan prinsip-prinsip Islam dalam Quran dan Hadis, melibatkan aspek keabsahan konten, etika penyiaran, dan impak sosial serta moral. Data dianalisis untuk mengenal pasti sejauh mana konten mematuhi nilai-nilai Islam seperti kebenaran, keadilan, dan moraliti, serta mengenal pasti isu-isu dan cabaran yang timbul. Hasil kajian memberikan pandangan tentang cabaran yang dihadapi oleh podcast di Malaysia dalam konteks prinsip-prinsip Islam, dan mengemukakan cadangan bahawa perspektif Quran dan Hadis dapat menjadi panduan penting dalam memperbaiki dan meningkatkan kualiti podcast di Malaysia.

### 2.1 Pemilihan sampel kajian

Dalam kajian ini, sampel terdiri daripada pelbagai pihak yang terlibat dalam industri podcast di Malaysia, termasuk podcaster, tetamu jemputan dan pendengar. Sebagai contoh, dalam episod “Perempuan Lagi Ramai Ketagihan P0rn0?” (Hitam Putih Kehidupan Musim 3, Episod 1, Januari 2024), Dato’ Rosyam Nor, salah seorang daripada podcaster di dalam saluran itu, beliau membuat beberapa kenyataan kontroversial. Beliau menyatakan bahawa “*pusat pelacuran ini macam dia perlu..*” dan “*namanya pon lelaki, kalau dia tak keluar kan, dia nak tonjol kat mana, dia tengok anak bini kita, sila-silap dia rogol anak dara kita....*” Kenyataan-kenyataan ini menular dan mencetuskan isu perbincangan yang hebat di sosial media dalam kalangan Masyarakat iaitu sebagai pendengar, kerana menyentuh pelbagai isu sensitiviti.



Rajah 1: *Thumbnail* podcast daripada Suhan Channel

Selain itu, kami juga menganalisis podcast dari YouCast yang bertajuk "Ezzul Harris Sembang Sistem Bank Yahudi Di Malaysia, Sistem Riba, Penipuan Duit Kertas - EP: 22." Pada awal video, Ezzul Harris, yang merupakan tetamu undangan, diminta untuk memperkenalkan latar belakang beliau. Dalam pengenalan tersebut, Ezzul memetik sebuah hadis yang berbunyi, "*Nabi bagitahu dengar daripada apa yang disampaikan bukan siapa yang menyampaikan.*". Penelitian kami mendapati bahawa kata-kata tersebut bukanlah sebuah hadis tetapi hanya kalimah hikmah dan penggunaan kata-kata yang menyandarkan kepada Rasulullah itu mencetuskan kesalahfahaman dan ia menimbulkan persoalan tentang integriti ilmu yang disampaikan.



Rajah 2: *Thumbnail* podcast daripada Youcast

### 3. Hasil perbahasan

#### Tabayyun

Dalam kajian ini, salah satu yang dianalisis adalah bagaimana podcaster di Malaysia menangani perbincangan tentang topik-topik kontroversial. Contohnya, dalam satu episod podcast yang disebutkan sebelum ini dalam pemilihan sample kajian, Dato' Rosyam Nor berpendapat bahawa perlu ditubuhkan rumah pelacuran supaya orang lelaki boleh melepaskan nafsu mereka dengan pergi ke rumah pelacuran dan dalam masa yang sama boleh mengurangkan kadar ketagihan porno yang berlaku di Malaysia. Cadangan ini menimbulkan pelbagai reaksi dan perdebatan dalam kalangan pendengar dan masyarakat. Sebagai seorang podcaster, beliau perlu berhati-hati menyampaikan pandangan yang berkaitan dengan isu kontroversial seperti ini. Beliau menyatakan bahawa yang boleh bekerja di rumah pelacuran itu adalah warga asing akan tetapi tidak mustahil untuk rakyat Malaysia turut terlibat sama dalam pekerjaan itu.

Dalam Islam, pelacuran dan pornografi dianggap sebagai perbuatan yang terlarang dan bertentangan dengan nilai-nilai moral dan agama. Oleh itu, cadangan untuk menubuhkan rumah pelacuran akan dianggap sebagai tindakan yang tidak bermoral dan bertentangan dengan ajaran agama Islam. Dalam surah Al-Israa ayat 32, Allah SWT telah berfirman bahawa:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَةَ إِنَّهُوَ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mendekati zina, Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk.* (Surah Al-Israa: ayat 32)

Dalam ayat ini, Allah SWT telah memberi larangan yang keras terhadap hamba-Nya daripada melakukan zina dan segala bentuk perlakuan yang boleh mendekati zina. Ini semua termasuk dengan segala aktiviti atau tindakan yang membawa kepada pelanggaran hukum agama Islam. Zina merupakan salah satu dosa besar dalam Islam, kerana ia merosakkan keutuhan akhlak individu dan Masyarakat. Mengikut prinsip yang digariskan dalam Islam, penting untuk bagi podcaster seperti Dato' Rosyam Nor untuk mempraktikkan prinsip *tabayyun*, iaitu berhati-hati dalam menyebarkan maklumat dan merujuk kepada sumber yang sahih sebelum membuat kenyataan yang boleh menimbulkan kontroversi. Dalam surah An-Nahl ayat 43, Allah SWT berfirman:

فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan ugama jika kamu tidak mengetahui.* (Surah An-Nahl: ayat 43)

Mengenai tafsir bagi ayat di atas, Ibn 'Atiyyah telah berkata: "Ahli Zikri adalah umum pada setiap orang yang disandarkan dengannya ilmu. Mereka adalah yang pakar dalam bidang masing-masing." Begitu juga dengan Al-Qurtubi. Beliau berkata bahawa orang awam perlulah taqlid (mengikuti) ulama mereka. Tidak boleh bagi orang awam untuk memberi fatwa kerana mereka jahil dengan maknanya yang membabitkan perkara halal dan haram (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan - Bayan Linnas Siri Ke-36: Jangan Ambil Ilmu Daripada Internet, n.d.). Prinsip ini menekankan kepentingan merujuk kepada pakar atau autoriti yang berpengetahuan dalam sesuatu bidang sebelum membuat sebarang kenyataan, terutamanya dalam isu yang melibatkan hukum agama dan moral.

Dengan mematuhi prinsip *tabayyun*, podcaster dapat memastikan bahawa maklumat yang disampaikan adalah tepat dan berlandaskan kepada sumber yang sahih. Ini akan membantu mengelakkan penyebaran maklumat yang salah atau mengelirukan serta menjaga sensitiviti pendengar yang beragama Islam. Oleh itu, dalam menangani isu-isu kontroversial, podcaster perlu berhati-hati dan memastikan pandangan yang dikemukakan tidak bercanggah dengan ajaran Islam serta merujuk kepada autoriti yang berpengetahuan sebelum membuat sebarang cadangan atau kenyataan.

### Penggunaan Bahasa yang kasar

Seterusnya, konteks yang dianalisis ialah mengenai penggunaan bahasa kasar dalam podcast Rosyam Nor, seperti pernyataan "*dia tengok anak bini kita, silap-silap dia rogol anak dara kita.*" Pernyataan ini menimbulkan beberapa isu dan cabaran serius. Pertama, kesesuaian nada percakapan dan perlunya bercakap dengan lemah lembut, terutama dalam membicarakan topik yang sensitif. Dalam surah Taha ayat 43-44, Allah SWT memerintahkan Nabi Musa dan Nabi Harun untuk berbicara kepada Firaun dengan kata-kata yang lembut, meskipun Firaun adalah musuh yang kejam. Firman Allah dalam ayat tersebut berbunyi:

أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيْسَ لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Maksudnya: “*Pergilah kamu berdua kepada Fir'aun, sesungguhnya dia telah melampaui batas, maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut*”. (Surah Taha: ayat 43-44)

Dengan berpandukan kepada ayat tersebut, maka jelaslah kepada kita bahawa nada percakapan yang sesuai adalah penting dalam berbicara, sekalipun berbicara dengan pihak musuh (Mokhtar et al., 2021) Selain itu, Allah SWT juga mengingatkan kita tentang pentingnya suara yang baik dalam berkomunikasi. Dalam surah Luqman ayat 19, Allah berfirman:

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ

Maksudnya: “*Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.*” (Surah Luqman: ayat 19)

Ayat ini mengumpamakan suara yang buruk dengan suara himar (keldai), menunjukkan betapa pentingnya menggunakan suara yang baik dan sopan dalam berbicara. Penggunaan bahasa kasar dan nada yang tinggi bukan sahaja tidak sesuai, tetapi juga boleh menimbulkan ketegangan dan konflik Komunikasi dalam Islam hendaklah berlangsung secara penuh hikmah. Apa yang dimaksudkan dengan hikmah di sini ialah dengan menggunakan perkataan atau perbuatan yang baik serta dapat diterima mudah oleh penerima (komunikasi). Dengan menggunakan hikmah dalam berkomunikasi membawa maksud bijak berkomunikasi dengan mengambil kira keadaan dan keperluan semasa (Mokhtar et al., 2021).

Oleh itu, penggunaan bahasa kasar dalam podcast Dato’Rosyam Nor tidak selaras dengan panduan Al-Quran mengenai adab komunikasi dan etika penggunaan bahasa. Al-Quran menekankan pentingnya menjaga lidah dan menggunakan bahasa yang baik, yang menunjukkan platform komunikasi seperti podcast harus mematuhi etika dan sensitiviti dalam penyampaian isu-isu serius. Pendidikan dan pemantauan yang ketat diperlukan untuk memastikan bahawa konten yang disiarkan mematuhi prinsip-prinsip Islam dan etika komunikasi yang baik.

### **Integriti ilmu**

Konteks terakhir yang dianalisis dalam kajian ini adalah tentang integriti ilmu yang disampaikan atau dikongsikan dalam podcast. Salah satu contoh yang dianalisis ialah podcast dari YouCast yang bertajuk “Ezzul Harris Sembang Sistem Bank Yahudi Di Malaysia, Sistem Riba, Penipuan Duit Kertas - EP: 22.” Pada awal episod, Ezzul Harris, yang merupakan tetamu undangan, diminta untuk memperkenalkan latar belakang beliau. Dalam pengenalan tersebut, Ezzul memetik sebuah hadis yang berbunyi, “*Nabi bagitahu dengar daripada apa yang disampaikan bukan siapa yang menyampaikan.*”

Setelah diteliti, ternyata kata-kata tersebut bukanlah sebuah hadis tetapi hanya kalimah hikmah yang sering dikaitkan dengan prinsip mendengar nasihat yang baik tanpa melihat siapa yang memberi nasihat. Tindakan Ezzul Harris menyandarkan kata-kata tersebut kepada Rasulullah SAW menunjukkan sikap yang sangat tidak bertanggungjawab. Penggunaan hadis yang tidak sahih atau kalimah hikmah yang disandarkan sebagai hadis boleh menimbulkan salah faham dan menyebarkan maklumat yang tidak tepat mengenai ajaran Islam.



Integriti ilmu dalam Islam adalah aspek yang sangat penting, terutamanya apabila ia melibatkan penyebaran hadis. Menyandarkan kata-kata yang bukan daripada Rasulullah SAW sebagai hadis bukan sahaja mencemarkan kesucian sunnah, tetapi juga boleh menyebabkan pendengar mempercayai dan mengamalkan sesuatu yang tidak berlandaskan kepada sumber yang sahih. Ini boleh merosakkan kefahaman umat Islam terhadap ajaran agama mereka. Bagi para ulama, jika dalam persoalan dunia kita dituntut untuk bersikap ilmiah, maka dalam perkara agama hal tersebut adalah sebuah keniscayaan. Siapa saja tidak boleh mengambil sebuah hukum atau syariat yang bersumber dari hadis lemah apalagi hadis palsu. Bahkan menyebarkan hadis-hadis palsu, tanpa menjelaskan kepalsuannya (Sari, 2020). Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَعَمَّدَ عَلَيَّ كَذِبًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: *“Barangsiapa yang sengaja berdusta di atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka.”* (Riwayat al-Bukhari, 108)

Sebagai podcaster, adalah penting untuk memastikan setiap maklumat yang disampaikan, terutamanya yang berkaitan dengan agama, disahkan kebenarannya. Langkah-langkah verifikasi harus diambil untuk memastikan bahawa hadis yang disampaikan adalah sahih dan tepat. Ini termasuk merujuk kepada kitab-kitab hadis yang dipercayai seperti Sahih Bukhari dan Sahih Muslim, serta mendapatkan pandangan daripada ulama atau pakar hadis yang berwibawa. Selain itu, pendengar juga perlu dididik mengenai pentingnya memeriksa kesahihan maklumat yang mereka terima. Dengan cara ini, integriti ilmu dapat dijaga, dan penyebaran maklumat yang tidak tepat dapat dikurangkan. Usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang bahaya menyandarkan kata-kata yang tidak sahih kepada Rasulullah SAW adalah penting untuk memastikan bahawa ajaran Islam yang benar dan murni disampaikan kepada masyarakat.

Dalam kes Ezzul Harris, sebagai seorang yang mempunyai platform dan pengaruh, beliau mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan setiap kata yang diucapkan berlandaskan kepada sumber yang sahih. Dengan demikian, beliau dapat memastikan bahawa maklumat yang disampaikan dalam podcastnya adalah benar dan dapat dipercayai oleh pendengarnya. Ini bukan sahaja meningkatkan integriti podcast tersebut, tetapi juga menjaga kesucian dan kebenaran ajaran Islam.

#### 4. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perspektif Quran dan Hadis dapat menjadi panduan yang penting dalam menghadapi cabaran yang dihadapi oleh industri podcast di Malaysia. Dengan menekankan nilai-nilai Islam, podcast dapat menjadi medium yang tidak hanya menyampaikan maklumat dan hiburan, tetapi juga mendidik dan membangunkan masyarakat secara positif. Penekanan pada integriti ilmu, adab komunikasi, dan etika penyiaran akan membantu meningkatkan kualiti dan relevansi podcast dalam konteks masyarakat Islam, sekaligus memastikan penyebaran maklumat yang bertanggungjawab dan beretika.

## 5. Rujukan

Al-Quran

- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lokin, S. a. L. @. (2021). An Analysis Of Islamic Communication Principles In The Al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 140–156. <https://doi.org/10.35631/ijlgc.6230010>
- Noor, U. M. M. (2015, October 6). *BAYAN LINNAS SIRI KE-36: JANGAN AMBIL ILMU DARIPADA INTERNET*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/1817-3>
- Nurain Nabilah Amirudin, & Khazri Osman. (2022). Etika Berdakwah Melalui Sosial Media. *Persatuan Penyelidik Dakwah Malaysia*. [https://www.researchgate.net/publication/362531137\\_ETIKA\\_BERDAKWAH\\_MELALUI\\_MEDIA\\_SOSIAL](https://www.researchgate.net/publication/362531137_ETIKA_BERDAKWAH_MELALUI_MEDIA_SOSIAL)
- Sari, M. R. (2020). Dampak Penyebaran Hadis Lemah dan Palsu dalam Tatanan Kehidupan Bermasyarakat. *El-Sunnah*, 1(1), 99–110. <https://doi.org/10.19109/elsunnah.v1i1.7414>
- Suhan Channel. (2024, January 7). *Perempuan Lagi Ramai Ketagihan Porn0? Ep 1 - [Podcast Hitam Putih Kehidupan Musim 3]* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=1f27KE5QROQ>
- YouCast. (2023, December 16). *Ezzul Harris sembang sistem bank Yahudi di Malaysia, sistem riba, penipuan duit kertas - EP: 22* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=HqNKL4JiEa4>